



MOHAMAD HASAN (tiga dari kanan) beramah mesra bersama pelajar baharu sambil diperhatikan **Musa Ahmad** (dua dari kanan) dalam Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Sarjana Muda Sesi Akademik 2015/2016 di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

MAINS cadang USIM tubuh Jabatan Qiraat

SEREMBAN 6 Sept. - Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) mencadangkan agar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menubuhkan Jabatan Qiraat bagi menempatkan pelajar-pelajar yang ingin mengikuti kursus berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, cadangan tersebut dibuat kerana USIM mempunyai ramai pakar dan penyarah dalam bidang Qiraat berbanding universiti lain.

"Jabatan tersebut boleh ditubuhkan di bawah Fakulti Al-Quran dan Sunah dan secara tidak langsung, kita (MAINS) sudah tidak perlu menghantar pelajar ke Mesir bagi mengikuti kursus tersebut.

"Cadangan tersebut juga selaras dengan dasar yang dilaksanakan baru-baru ini dan kita mahu anak Negeri Sembilan menyambung pelajaran di peringkat sar-

jana dan doktor falsafah di universiti tempatan.

"Apabila pelajar di Mesir pulang ke tanah air, mereka sukar untuk menyambung pelajaran kerana silibus pelajaran tidak sama. Jadi mereka boleh menyambung pengajian di USIM sahaja," katanya ketika ditemui selepas majlis amanat dan lafaz ikrar pelajar baharu sarjana muda sesi akademik 2015/2016 USIM baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad.

Baru-baru ini, MAINS membuat keputusan untuk menghentikan penghantaran pelajar baharu tajaannya ke Jordan, bermula tahun hadapan.

Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira banyak faktor selain mendapati silibus pengajian universiti di Jordan itu dapat

diperoleh di universiti tempatan, terutama dalam bidang perbankan dan kewangan Islam (muamalat).

Menurut Mohamad yang juga Pengerusi MAINS, cadangan tersebut masih di peringkat perbincangan bersama USIM bagi mendapatkan persetujuan bersama.

Sementara itu menurut Musa, USIM menyambut baik cadangan tersebut dan akan melakukan perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi universiti.

"Kita juga ada menerima cadangan daripada beberapa individu untuk menubuhkan Jabatan Qiraat kerana USIM sudah mempunyai kursus berkenaan di bawah Fakulti Al-Quran dan Sunnah.

"Justeru jika ada jabatan tersebut sudah pasti USIM mampu menawarkan program akademik Ijazah Sarjana Muda dalam bidang qiraat," ujarnya.